

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

RPG 432 - Rekabentuk Bandar

Masa : (3 Jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja. DUA daripada BAHAGIAN A, DUA daripada BAHAGIAN B dan SATU daripada BAHAGIAN C.

BAHAGIAN A : Jawab soalan SATU dan SATU soalan lain

1. Apakah maksud penghasilan bentuk bandar? Mengapakah penghasilan disifatkan sebagai satu yang kompleks? Bagaimanakah sumbangan berkesan dapat dibuat di dalam kompleksiti ini?  
(20 markah)
2. Apakah maksud pluralisme dalam konteks pembangunan di Malaysia hari ini? Mengapakah penting pluralisme ini difahami? Ilustrasikan satu contoh bagaimana pluralisme telah menyumbang kepada rekabentuk bandar.  
(20 markah)
3. Dari program-program rekabentuk yang berbeza, terangkan maksud budaya. Mengapakah pemahaman tentang budaya ini penting di dalam rekabentuk bandar? Ilustrasikan bagaimanakah dua budaya berbeza bergerak dalam penghasilan sesuatu bandar?  
(20 markah)

...2/-

4. Galurkan perkembangan tradisi kewawasan dalam reka-bentuk bandar. Tunjukkan tiga ciri utama wawasan-wawasan di abad ke20. Apakah satu ciri yang dapat di-jadikan landasan dalam pembentukan teori rekabentuk bandar setempat menjelang abad ke21?

(20 markah)

BAHAGIAN B: Jawab DUA soalan di atas kertas imperial.

5.

	Niat	Laku	Hasil
Aktor 1			
Aktor 2			

Gambarajah A

Menggunakan carta seperti Gambarajah A, bandingkan dua dari tiga aktor berikut:

- (a) Ebenezer Howard
- (b) Le Corbusier
- (c) Frank Lloyd Wright

Apakah satu teladan utama yang didapati dari perbandingan ini?

(20 markah)

...3/-

6.

	Maksud Bandar	Unsur Utama	Prinsip Rekabentuk	Contoh Setempat
Teori Nod & Laluan		1. 2. 3.	1. 2. 3.	1. 2. 3.
Teori Rekabentuk Bandar Aktor a,b atau c		1. 2. 3.	1. 2. 3.	1. 2. 3.

Gambarajah B

Menggunakan carta seperti di atas (Gambarajah B), bandingkan teori nod dan laluan dengan teori rekabentuk bandar salah seorang dari berikut:

- (a) Edmund Bacon
- (b) Gordon Cullen
- (c) Kevin Lynch

Apalah peranan pengalaman dalam menghasilkan teori rekabentuk bandar setempat?

(20 markah)

7.

Petempatan	Isu	Masalah	Penyelesaian	Kritikan
Universiti Sains Malaysia ATAU George Town		1. 2. 3.	1. 2. 3.	1. 2. 3.

Gambarajah C

Menggunakan carta seperti di atas (Gambarajah C) kenalpasti satu isu utama dalam pembangunan fizikal Universiti Sains Malaysia atau George Town dan tiga masalah yang timbul darinya. Apakah penyelesaian yang telah dan/atau sedang dilaksanakan? Berikan pandangan anda tentang penyelesaian tiap satu masalah ini.

(20 markah)

...4/-

BAHAGIAN C: Jawab SATU soalan sahaja.

8. Kebergunaan kampus Universiti Sains Malaysia dapat dipertingkatkan dengan mengubahnya dari kampus yang sedia ada kepada taman teknologi. Bincangkan dengan ilustrasi.  
(20 markah)
9. Salah satu cara untuk mengelakkan kehancuran George Town adalah dengan menjadikannya satu taman sejarah. Bincangkan dengan ilustrasi.  
(20 markah)
10. Bandar setempat tidak akan berjaya selagi teori asing terus diterapkan di dalam rekabentuknya.  
Bincangkan dengan ilustrasi.  
(20 markah)

-ooo00ooo-